



Buletin



"CEPAT DAN MESRA"

BIL 2/2014 ISSN 1985-0859

BOMBA

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire and Rescue Department of Malaysia

Majlis Perasmian

SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA 2014 (World Fire Fighters' Day 2014)

disempurnakan oleh

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri Malaysia



MAJLIS PENGANUGERAHAN
PANGKAT TIMBALAN PESURUHJAYA
BOMBA KEHORMAT



LARIAN BERSAMA BOMBA
KALI KE XII



MAJLIS PERASMIAN BALAI BOMBA
DAN PENYELAMAT KOTA
KINABATANGAN, SABAH

KANDUNGAN

Bil	M/S	Bil	M/S
1		21	23
2		22	24
3		23	25
4		24	26
5		25	27
6		26	28
7		27	29
8		28	30
9		29	31
10		30	32
11			
12			
13			
14			
15			
16			
17			
18			
19			
20			
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			
9			
10			
11			
12			
13			
14			
15			
16			
17			
18			
19			
20			
21			
22			
23			
24			
25			
26			
27			
28			
29			
30			
31			
32			

Penaung

YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim

Penasihat

YAS Dato' Mahadi bin Md Ali

YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof

Ketua Editor

PPjB Siti Rohani binti Nadir

Editor

PgKB I Lee Siew Fatt

PgB Norizan bin Saad

Pengarang

PgKB I Abd Fathulmuen bin Abd Salam

PgKB I Henderi bin Ardimansyah

PgB Mohd Hafiz bin Suhaimi

PgB Ali bin Mohamad

TPgB Azalin bin Samdin

PKPgB Mohd Fadli bin Nik Abu

PKPgB Tan Min Chai

PkPgB Rozidah binti Abni Hajar

PKPgB Hafidzatullah bin Rashid

PKPgB Mohd Afendy K Ramin

PPgB Siti Noraini binti Abdul Rashid

PPgB Nor Azlinda binti Mohd Ajlan

PBT Ismail bin Abdulah

PBK I Azman bin Hj Hassan

Bhg. Pengurusan Korporat
Bhg. Pengurusan Korporat
JBPM Kedah
JBPM Selangor
JBPM Putrajaya
JBPM Perak
JBPM Sarawak
JBPM Terengganu
JBPM Melaka
JBPM Sabah
JBPM Negeri Sembilan
Bhg. Pengurusan Korporat
JBPM Johor
JBPM Kuala Lumpur

Fotografi

PB Khairul Azmi bin Mohd Noor

PB Syed Fitri bin Syed Abas

PB Mohd Hanafi bin Baharudin

Unit Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri-Negeri

Sidang
Redaksi

Seluruh warga Bomba dan Penyelamat Malaysia

Dialu-alukan menyumbang penulisan sama ada dalam bentuk rencana, laporan, aktiviti bulanan, pandangan atau pendapat lain-lain hal yang berkaitan dengan Jabatan. Sumbangan boleh dimajukan kepada:

Sidang Redaksi, Buletin Bomba

Bahagian Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya
Tel : +603-8888 0036 Faks : +603-8888 0840 Emel : korporat@bomba.gov.my Laman Web : http://www.bomba.gov.my

MAJLIS PENGANUGERAHAN PANGKAT TIMBALAN PESURUHJAYA BOMBA KEHORMAT

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KEPADA YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

Pada 30 April 2014 (Rabu) bertempat di Pejabat YAB Timbalan Perdana Menteri telah berlangsung Majlis Penganugerahan Pangkat Timbalan Pesuruhjaya Bomba Kehormat kepada YAB TPM yang telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Majlis Penganugerahan ini sebagai menghargai jasa dan sumbangan yang telah diberikan oleh YAB TPM kepada JBPM serta sempena Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2014 yang disempurnakan oleh YAS Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd Yassin.



Turut hadir ialah YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS PKPjB Mohamad Hamdan bin Hj. Wahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Latihan, YS PKPjB Edwin Galan Teruki, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran, YS PPjB Sobberi bin Basiran, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat dan PPjB Siti Rohani binti Nadir.



MAJLIS SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA 2014

disempurnakan oleh

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri Malaysia



4 Mei 2014 (Ahad) - YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah menyempurnakan Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2014 (World Fire Fighters' Day 2014) di Dataran Merdeka Kuala Lumpur pada 4 Mei 2014 (Ahad). Tema sempena sambutan tersebut ialah "Inovatif dan Integriti Pemacu Transformasi" selaras dengan hasrat jabatan yang memerlukan kakitangan yang boleh "berfikir" di luar kotak pemikiran biasa (think out of the box) dan mencari jalan yang terbaik untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan atau kelemahan yang ada.

Majlis pada pagi tersebut turut dihadiri oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Halimah binti Mohd Sadique, Timbalan Menteri KPKT, YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Mahadi bin Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YBrs. Dr Dahlia binti Rosly, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Bandar dan Desa, wakil Organisasi-Organisasi Bukan Kerajaan, pegawai kanan JBPM, pegawai kanan KPKT serta orang ramai.





Dalam ucapannya YAB Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2014 pada kali ni akan memberi suntikan semangat yang lebih tinggi lagi kepada seluruh warga JBPM dan seluruh keluarga besar bomba untuk mencurahkan bakti dengan lebih cekal dan penuh dedikasi lagi kepada rakyat khususnya mereka yang ditimpa kecemasan.



Antara program yang diadakan ialah pemeriksaan Kawalan Kehormatan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, perarakan kontijen perbarisan dan aset, bacaan ikrar, deklamasi sajak, pelancaran Pegawai Bomba Bantuan, pelancaran Buku Wira Merah, perarakan kontijen jentera, pertunjukkan kebombaian, pameran kebombaian, sesi bergambar dan diakhiri dengan sidang media.



MESS NITE JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA TAHUN 2014

5 MEI 2014



MESS NITE 2014



Mess Nite Tahun 2014 telah diadakan di Hotel Marriot Putrajaya pada 5 Mei 2014 (Isnin). Tetamu kehormat dalam majlis tersebut YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Majlis yang diadakan berlangsung dengan penuh istiadat bermula pada pukul 8.00 malam dengan perarakan masuk tetamu kehormat daripada Pengurusan Tertinggi Kementerian dan Jabatan. Majlis diteruskan dengan nyanyian Lagu Negaraku dan YB Menteri KPKT mengucapkan “Selamat Maju Jaya” kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Segmen seterusnya ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim menyampaikan ucapan dan diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada YB Menteri KPKT. Majlis tersebut diiringi persembahan daripada Pasukan Kombo Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Turut hadir di majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Mahadi bin Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Bomba Negeri dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan bersama-sama isteri.



LARIAN BERSAMA BOMBA KALI KE XII

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



Pada 11 Mei 2014 bertempat di Dataran Merdeka Kuala Lumpur, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan Larian Bersama Bomba kali ke XII sempena Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia Tahun 2014. Turut serta ialah Datuk Abdul Rahman Dahlan Menteri KPKT, Datuk Seri Arpah binti Abdul Razak KSU KPKT, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim Ketua Pengarah JBPM, Pengurusan Tertinggi KPKT, Pengurusan Tertinggi JBPM, warga JBPM, orang ramai dan para pengunjung.





SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA 2014

PERINGKAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA PUTRAJAYA



Pada 14 Mei 2014 (Rabu), JBPM Putrajaya telah mengadakan Pertandingan Mewarna di *Engine Bay* Balai Putrajaya. Seramai 510 orang murid dari seluruh tadika Putrajaya telah menyertai pertandingan bagi kategori umur 4 hingga 6 tahun. Pertandingan Kawad Kecekapan untuk komuniti Putrajaya pula telah dijalankan pada 17 Mei 2014 bertempat di perkarangan Balai Bomba dan Penyelamat Malaysia, Putrajaya. Buat julung kalinya pada tahun ini, Pertandingan Kawad Kecekapan telah dibahagikan kepada 2 kategori iaitu untuk Pasukan Keselamatan Kebakaran agensi kerajaan dan swasta serta pasukan Bomba Komuniti di sekitar Putrajaya.

Program Derma Darah juga telah diadakan pada 20 Mei 2014 bertempat di Pusat Membeli Belah Alamanda, Putrajaya. Kerjasama di antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Putrajaya dengan Pusat Darah Negara dan pihak pengurusan Alamanda Putrajaya telah memasuki tahun ketiga.

Buat julung kalinya, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Putrajaya telah menganjurkan Program Ceramah Agama pada 30 Mei 2014 bertempat di Padang Pusat Kejiranan Presint 9, Putrajaya. Penceramah jemputan yang telah dijemput merupakan penceramah yang tersohor dalam program Kalau Dah Jodoh iaitu Yang Berbahagia Ustaz Kazim Elias dengan tajuk ceramah yang telah disampaikan ialah 'Kerja Sebagai Ibadah'.

Penutup kepada Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2014 peringkat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Putrajaya, Program Bomba Bersama Masyarakat telah diadakan pada 31 Mei 2014 bertempat di Padang Pusat Kejiranan Presint 9, Putrajaya yang telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Aseh Bin Hj. Che Mat, Presiden Perbadanan Putrajaya.



FIRE FIGHTER'S NIGHT

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



Biro Pembangunan Ekonomi MASKAB telah mengadakan satu majlis *Fire Fighter's Night* sempena SHAB 2014. Majlis yang bertemakan penghayatan kerjaya kebombaan dan pengkisahan kehidupan wira yang tidak didendangkan ini telah berjaya diadakan dengan penuh gemilang di Hotel Marriott, Putrajaya. Kehadiran YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, pengurusan tertinggi jabatan serta pegawai-pegawai kanan serta para jemputan telah memeriahkan lagi majlis pada malam tersebut.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BULAN APRIL 2014 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

25 April 2014 (Jumaat) - Majlis Perhimpunan Bulanan Bulan April 2014 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang dihoskan oleh Bahagian Penyiasatan Kebakaran telah diadakan di Dewan Sutera, Ibu Pejabat JBPM. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Turut hadir ialah YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YS PKPjB Edwin Galan Teruki, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran, Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah Negeri, Pegawai-Pegawai Kanan serta kakitangan JBPM.

Antara program yang diadakan ialah penyampaian Sijil Penghargaan Pegawai Bersara, Penyampaian Sijil Penghargaan Inovasi, program menanam pokok buah-buahan serta memperkenalkan pegawai yang baru. Turut diadakan di majlis tersebut adalah meraikan sambutan hari lahir pegawai dan kakitangan peringkat Ibu Pejabat JBPM.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BULAN MEI 2014 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

30 Mei 2014 (Jumaat) - Majlis Perhimpunan Bulanan Bulan Mei 2014 yang telah diadakan pada 30 Mei 2014 (Jumaat) dihoskan oleh Bahagian Pembangunan. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin HJ. Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM dan turut dihadiri oleh YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Negeri, Pegawai-Pegawai Kanan serta kakitangan JBPM.

Di dalam majlis tersebut juga telah diadakan majlis pemakaian tanda pangkat kepada lima (5) Penguasa Bomba Gred KB48 yang telah dinaikkan pangkat ke Penguasa Bomba Gred KB52, Nota Serah Tugas antara YS PPjB Siti Rohani binti Nadir, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat dan PPjB Sobberi bin Basiran, Ketua Pusat Pengajian Pengurusan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Kubu Bharu.



TAKLIMAT PELAKSANAAN KHIDMAT PEGAWAI BOMBA BANTUAN DALAM JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



Taklimat Pelaksanaan Khidmat Pegawai Bomba Bantuan dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Peringkat Zon Tengah (Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya dan Perak) telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan, ketua-ketua zon dan ketua-ketua balai. YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah memberikan ucap tama yang menyatakan bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia amat serius dalam usaha melaksanakan khidmat Pegawai Bomba Bantuan di negara ini.



PENERBANGAN ORGAN TRANSPLANT TRANSPORT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



30 Julai 2014, Rabu - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah melaksanakan Penerbangan *Organ Transplant Transport* yang telah membawa organ hati, jantung dan buah pinggang daripada Hospital Taiping, Perak ke Hospital Selayang, Selangor.

Penerbangan ini dibuat menggunakan pesawat JBPM dari jenis AW139 yang berpangkalan di Pangkalan Udara JBPM Subang. Penerbangan ini telah diketuai oleh Kapt. Sidek bin Abbas bersama-sama dengan anggota PKPgB Fadhl bin Pauzie dan PB Nicholas Nunsang a/k Clement dan turut diiringi oleh kakitangan hospital.

Penerbangan yang mengambil masa 1 jam 5 minit ini telah berlepas dari Hospital Taiping, Perak pada pukul 8.15 pagi setelah Pangkalan Udara JBPM Subang menerima panggilan kecemasan pada jam 7.10 pagi. Seterusnya, penerbangan telah selamat sampai ke destinasi di Hospital Selayang, Selangor pada jam 9.20 pagi.



MAJLIS PERASMIAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT KOTA KINABATANGAN, SABAH




Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Kota Kinabatangan pada 19 April 2014 telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia. Turut hadir Yang Berbahagia Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia, YAS Dato' Wan Mohd Nor Bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM, Yang Berhormat Datuk Bung Mokhtar Radin, Ahli Parlimen Kota Kinabatangan, Yang Berhormat Datuk Masiung Banah, Adun N47 Sukau, Yang Berbahagia Dato' Abu Bakar bin Hassan, Setiausaha Persekutuan Sabah, Yang Amat Setia Dato' Haji Amer bin Haji Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS PKPjB Haji Nordin bin Pauzi, Pengarah JBPM Negeri Sabah, Ketua-Ketua Jabatan dan Negeri, Pegawai-pegawai Kanan Jabatan, JKKK Kinabatangan, para wartawan serta penduduk setempat.






Majlis ini diserikan lagi dengan persembahan *STORM Dance* daripada Unit *STORM*, Pertunjukan Demonstrasi RTA dan Pameran Kebombaan. Sesungguhnya pembinaan sebuah Balai Bomba di Kinabatangan ini amat diperlukan, berdasarkan kepesatan pembangunan ekonomi dan pelbagai aktiviti. Jabatan Bomba sentiasa memberikan penekanan untuk mempertingkatkan tahap perlindungan kebakaran kepada masyarakat. Justeru pembinaan Balai Bomba sentiasa diutamakan demi memberikan perkhidmatan kebombaan yang lebih efisien kepada masyarakat setempat. Pada hari yang sama di sebelah petang turut diadakan Kempen Kesedaran Keselamatan Kebakaran di balai bomba tersebut bersama penduduk setempat.



ISTIADAT MENGARAK PANJI-PANJI

SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG



13 Jun 2014 - Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajjah Haminah telah berkenan mencemar duli menghadiri Istiadat Mengarak Panji-Panji sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIV.

Program tersebut bermula pada pukul 8.00 pagi bertempat di Dataran Panglima Tentera Darat, Kem Perdana Sungai Besi pada 13 Jun 2014. Antara pasukan beruniform yang turut serta menyertai majlis tersebut ialah Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Turut hadir ialah YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Bomba Negeri serta pegawai-pegawai kanan jabatan.



MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI MELAKA



Bertempat di Dewan Taming Sari, Ibu Pejabat JBPM Negeri Melaka satu majlis penutupan bagi Program Pembangunan Insan JBPM Negeri Melaka telah diadakan dan disempurnakan oleh YS Dato' Soiman bin Jahid Penolong Ketua Pengarah, Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, JBPM.

Program pembangunan insan ini telah berlangsung selama 3 hari bermula dari 23 hingga 25 Jun 2014 yang dihadiri oleh pegawai disetiap peringkat. Diantara pengisian yang telah dilaksanakan adalah Kuliah Keagamaan dan Intergriti, Kursus Team Building Pegawai Kanan JBPM Negeri Melaka dan Program Obesity kepada mereka yang bermasalah dalam mengawal berat badan.



MAJLIS MENANDATANGANI NOTA SERAH TUGAS PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI MELAKA



Majlis menandatangani Nota Serah Tugas Pengarah JBPM Negeri Melaka diantara PPjB Zainuddin Bin Md Alip dengan PPjB Nazili Bin Mahmood telah dilaksanakan dengan sempurna dan teratur pada 2 Jun 2014. Majlis tersebut telah disaksikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM.

Majlis ini dilaksanakan berikutan pertukaran PPjB Zainuddin bin Md Alip yang telah bertugas dari 1 Ogos 2010 sehingga Mei 2014 ke Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (PUSPEK) Ibu Pejabat JBPM.



PROGRAM *EXECUTIVE TALK*

OLEH YBHG. DATUK DR. SOH CHAI HOCK



22 April 2014 (Selasa) - Program Executive Talk oleh YBhg. Datuk Dr. Soh Chai Hock telah diadakan di Dewan Galeri, Ibu Pejabat JBPM, Putrajaya pada 22 April 2014. Tajuk yang disampaikan ialah "Transformasi Krisis Kepada Pencapaian" dan "Challenges Beyond 2020".

Turut hadir ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, PPjB Sobberi bin Basiran, Pegawai-Pegawai kanan serta kakitangan Ibu Pejabat.



PROGRAM NBOS 7 JBPM NEGERI JOHOR



**Nampak dari Kuala Segamat,
Di situ banyak pokok pauh,
Berubah hati berdebar semangat,
Kerana mendapat sesuatu bertuah.**



Sepertimana pantun tersebut, begitulah perasaan En. Jumahat Samsuri, yang menerima rumah baru yang dibina oleh anggota JBPM Negeri Johor untuk beliau. Beliau yang kehilangan rumah akibat kebakaran pada Februari 2012 yang lalu berasa teruja kerana mendapat rumah setelah 2 tahun menyewa. Satu majlis penyerahan kunci rumah telah dijalankan pada 29 Jun 2014, bertempat di Kampung Jawa, Pulau Sebatang, Ayer Baloi, Pontian.



Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri Kewangan, merangkap Ahli Parlimen Pontian, Datuk Hj. Ahmad bin Hj. Maslan. Turut hadir bersama di dalam majlis tersebut YAS TKP (Pembangunan) JBPM, YAS Dato Hj. Amer bin Hj. Yusof, Pengarah JBPM Negeri Johor, YS Dato' Ab. Ghani bin Daud, pegawai kanan JBPM serta penduduk setempat. Di dalam majlis tersebut YB Datuk telah menyerahkan replika kunci sebagai simbolik penyerahan. Selepas menyempurnakan majlis tersebut, YB Datuk telah melawat anggota BBP Pekan Nenas, PB Suboh Abdullah yang cedera dirempuh sebuah lori 3 tan pada 21 Jun yang lalu.



PENYERAHAN KUNCI RUMAH DI BAWAH PROJEK PEMBINAAN SEMULA RUMAH TERBAKAR DI BAWAH PROGRAM STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS7)



26 Jun 2014 - Bertempat di Kg. Alur Kuda, Seberang Takir, Kuala Terengganu telah diadakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Projek Pembinaan Semula Rumah Terbakar Di Bawah Projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS7) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Projek pembinaan semula rumah ini telah dimulakan pada 11 Mei 2014 dimana seramai 8 orang pegawai dari BBP Kuala Terengganu telah terlibat secara langsung dalam pembinaan rumah tersebut. Projek ke-2 NBOS 7 Negeri Terengganu dengan kos sebanyak RM 37,000.00 (peruntukkan daripada KKLW dan disalurkan kepada KPKT) telah berjaya disiapkan sepenuhnya pada 24.6.2014.



Majlis penyerahan kunci rumah telah disempurnakan oleh YAB. Dato' Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, Menteri Besar Terengganu kepada tuan rumah Encik Wan Yusof bin Wan Abd. Rahman dan keluarga. Turut diadakan penyampaian Sijil Teman Pili Bomba kepada masyarakat setempat dan Sijil Penghargaan kepada pihak-pihak yang telah membantu dalam menjayakan program NBOS7.



Turut hadir di majlis tersebut adalah YS PPjB Md. Salleh bin Sarbini, Pengarah JBPM Terengganu, PPjB Abdul Razak bin Muda, Komandan Akademi Bomba Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, PPjB Norizan bin Sulaiman, Ketua Unit Integriti JBPM, PgKB I Nor Mahathir bin Muhamad, Timbalan Pengarah, JBPM Terengganu dan pegawai-pegawai kanan JBPM Terengganu serta masyarakat setempat.



JBPM Terengganu juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam menjayakan pembinaan rumah tersebut.

MAJLIS PERASMIAN BALAI PASUKAN BOMBA SUKARELA LANGKAP, TELUK INTAN, PERAK



24 Mei 2014 (Sabtu) Langkap, Perak - YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Balai Pasukan Bomba Sukarela Langkap, Teluk Intan, Perak pada 24 Mei 2014.



Turut hadir ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS PKPjB Hj. Yahaya bin Hj. Madis, Pengarah JBPM Negeri Perak, PPjB Sayani binti Saidon, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Perak.



Balai Pasukan Bomba Sukarela Langkap telah dilengkapi dengan infrastruktur yang sempurna dan tersusun dengan keanggotaan 47 orang ahli.



MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH DI BAWAH PROGRAM **“MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD”** PROJEK MEMBINA SEMULA RUMAH RAKYAT TERMISKIN



20.05.2014 (Selasa) - Beralamat di Kampung Piaggu, Kuala Kelawang Negeri Sembilan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan bersetuju memilih rumah rakyat termiskin untuk pembinaan semula rumah memandangkan rumah yang terbakar tidak memenuhi kriteria bagi menerima bantuan.

Pada 27 Jun 2014 (Jumaat) Majlis Penyerahan Kunci Rumah di bawah Program NBOS:7 - My Beautiful Neighbourhood telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail, Ahli Parlimen Jelebu. Turut hadir adalah YAS Dato Haji Amer bin Haji Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS PPjB Siti Rohani binti Nadir, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS PPjB Norazam bin Khamis Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan dan PgKB I Johari bin Haji Ahmad, Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan.

Bagi pemilik rumah, Encik Ismail bin Hassan beliau berasa sangat bersyukur diatas bantuan yang diberikan dan amat menghargai usaha Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan. Encik Ismail menambah, beliau menganggap penyerahan kunci rumah tersebut sebagai hadiah terbaik yang pernah diterimanya dan berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat.



PENYERAHAN KUNCI RUMAH DI BAWAH PROJEK PEMBINAAN SEMULA RUMAH TERBAKAR

DI BAWAH PROGRAM STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS7) KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



24 Jun 2014 - Bertempat di Kg. Kubang Depu, Jerneh telah diadakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Projek Pembinaan Semula Rumah Terbakar Di Bawah Projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS7) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Projek pembinaan semula rumah terbakar ini telah dimulakan pada 28 April 2014 dimana seramai 8 orang pegawai dari BBP Jerneh dan 2 orang dari BBP Besut telah terlibat secara langsung dalam pembinaan rumah tersebut.

Projek pertama NBOS 7 JBPM Negeri Terengganu ini telah melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 37,000.00 (peruntukkan daripada KKLW dan disalurkan kepada KPKT) telah berjaya disiapkan sepenuhnya pada 22.6.2014.

Majlis penyerahan kunci rumah telah disempurnakan oleh YBhg. Encik Hasmadi bin Hassan, Timbalan Pengerusi Penyelaras DUN Hulu Besut kepada tuan rumah Encik Mohd Syukri bin Mohd Nor. Turut diadakan penyampaian Sijil Teman Pili Bomba kepada masyarakat setempat dan Sijil Penghargaan kepada pihak-pihak yang telah membantu dalam menjayakan program NBOS7.

Turut hadir di majlis tersebut adalah YS PKPjB Mohammad Hamdan bin Haji Wahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Latihan JBPM, YS PPjB Md. Salleh bin Sarbini, Pengarah JBPM Terengganu, PgKB I Nor Mahathir bin Muhamad, Timbalan Pengarah, JBPM Terengganu dan pegawai-pegawai kanan JBPM Terengganu serta masyarakat setempat.

Diharapkan dengan penyerahan kunci rumah tersebut, ianya akan memberikan satu sinar keceriaan kepada Encik Mohd Sukri dan keluarga terutama dalam menyambut bulan Ramadhan dan Aidilfitri pada tahun ini.

JBPM Terengganu juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam menjayakan pembinaan rumah tersebut.



MESYUARAT AGONG PERWAKILAN KOPERASI PEKERJA BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA BERHAD (KOBOPEM) KALI KE-29



Mesyuarat Perwakilan Persatuan Pekerja Bomba dan Penyelamat Malaysia (KOBOPEM) kali ke-29 telah diadakan pada 21 Jun 2014 (Sabtu) bertempat di A'Famosa Resort Hotel, Simpang Ampat, Melaka. Mesyuarat tersebut telah disempurnakan oleh YAS Dato Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim Ketua Pengarah JBPM merangkap Pengerusi (KOBOPEM). Turut hadir dalam mesyuarat KOBOPEM berkenaan adalah YAS Dato Mahadi bin Md Ali merangkap Naib Pengerusi KOBOPEM, Ahli-Ahli Lembaga serta perwakilan dari negeri.

Antara agenda yang telah dibincangkan dalam mesyuarat perwakilan KOBOPEM kali ke-29 ini diantaranya adalah melantik anggota lembaga seramai 5 orang yang telah tamat tempoh mengikut Undang-undang Kecil 37(1), menetapkan had maksima keterhutangan Koperasi, menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan yang dicadangkan oleh Ahli Lembaga untuk tahun kewangan sebelumnya dan lain-lain lagi. Mesyuarat Agung tersebut telah ditangguhkan pada pukul 2.30 petang.



MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH BOMBA NEGERI BIL.2/2014 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



5 hingga 6 Mei 2014 - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mempengerusikan Mesyuarat Pengarah-Pengarah Bomba Negeri Bil.2/2014. Mesyuarat tersebut telah diadakan di Bilik Mesyuarat Tanjung, Ibu Pejabat JBPM pada 5 hingga 6 Mei 2014.

Turut hadir ialah YAS Dato' Mahadi bin Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Penolong-Penolong Ketua Pengarah serta semua Pengarah-Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri-Negeri.



Antara agenda mesyuarat ialah membincangkan isu-isu daripada negeri-negeri, bertukar pendapat mengenai penyelesaian masalah mengenai operasi serta program-program utama jabatan yang akan diadakan dalam masa yang terdekat.

MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM BIL.2/2014 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

27 Mei 2014 (Selasa) - Mesyuarat Pegawai-Pegawai Perhubungan Awam Negeri Bil.2/2014 JBPM telah diadakan di Balai Bomba dan Penyelamat Meru, Perak yang dipengerusikan oleh YS PPjB Siti Rohani binti Nadir, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat

Antara perkara yang dibincangkan ialah program-program jabatan dan negeri yang dilaksanakan pada tahun 2014, maklum balas daripada negeri-negeri dan amanat daripada YS PPjB Siti Rohani binti Nadir selaku Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat yang baru.

Turut diadakan bersempena majlis tersebut adalah Majlis Ramah Mesra pertukaran PPjB Sobberi bin Basiran ke Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Kubu Bharu. Turut hadir di majlis tersebut adalah YS PKPjB Hj. Yahaya bin Hj. Madis, Pengarah JBPM Negeri Perak, pegawai-pegawai kanan JBPM Negeri Perak serta semua pegawai-pegawai perhubungan awam negeri.




FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI



14 Mei 2014 (Rabu), Bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Bandar Mu'adzam Shah, Anak Bukit, Kedah Darul Aman, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah berjaya melaksanakan satu FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI PERINGKAT ZON UTARA dengan penglibatan 580 peserta daripada 20 agensi kerajaan di Zon Utara dan 5 agensi penguatkuasa.

Moderator jemputan di dalam program tersebut adalah YBrs Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun, Pengarah

Sektor Sosiobudaya, Institut Integriti Malaysia, Sahibus Samahah Dato' Murshid Diraja Dr Haji Juanda bin Jaya, Mufti Kerajaan Negeri Perlis, YBhg Prof Dr Hassan bin Ali Timbalan Naib Cancellor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Utara Malaysia dan Yang Mulia Timbalan Pesuruhjaya Raja Khan bin Raja Ahmad, Pengarah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Kedah. Ucapan Perasmian Penutupan telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



SEMINAR KESELAMATAN KEBAKARAN JBPM NEGERI SARAWAK TAHUN 2014



22 Mei 2014, Khamis - Seminar Keselamatan Kebakaran Tahun 2014 JBPM Negeri Sarawak telah diadakan dengan kerjasama Persatuan Sukan dan Kebajikan Bomba Sarawak (PESKEBS) di Dewan Majma' Tuanku Abdul Halim Muad'zam Shah, Kompleks Islam Sarawak, Kuching. Seminar satu hari ini telah menarik penyertaan seramai 557 peserta daripada pihak arkitek, juruperunding, kontraktor, agensi-agensi kerajaan dan agensi-agensi swasta yang terlibat secara langsung mahupun tidak secara langsung



dalam pengurusan keselamatan kebakaran. Seminar ini telah dirasmikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah PKPjB Nor Hisham bin Mohammad, Pengarah JBPM Negeri Sarawak dan Encik Danny Cheah, Presiden Malaysian Fire Protection Association (MFPA).

Empat penceramah yang berpengalaman dalam bidang dan kepakaran masing-masing telah membentangkan kertas kerja dalam seminar tersebut iaitu PPjB Hamdan bin Ali dan PKPgB Mahinder Singh A/L Bhag Singh daripada JBPM, Encik Shebli bin Hairani daripada Lembaga Pelabuhan Miri dan Ir. Leong Peng Seng. Seminar seumpama ini merupakan sebuah platform bagi memperkukuhkan kerjasama antara pelbagai pihak dalam mewujudkan budaya keselamatan kebakaran seiring dengan arus pembangunan negara.



KUNJUGAN HORMAT PRESIDEN CUEPACS KE PEJABAT KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

11 April 2014 (Jumaat) - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada Encik Azih bin Muda, Presiden CUEPACS di Pejabat Ketua Pengarah, Ibu Pejabat JBPM, Putrajaya pada 11 April 2014.

Turut hadir ialah YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PPjB Sobberi bin Basiran, Penolong Ketua Pengarah, Bahagian Pengurusan Korporat, PKPgB Hj. Salimin bin Ayed, Presiden Kesatuan Pekerja-Pekerja Bomba dan Penyelamat Semenanjung Malaysia.

Tujuan utama kunjungan hormat tersebut ialah perbincangan mengenai kebajikan-kebajikan anggota bomba serta mengeratkan hubungan dua (2) hala antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan pihak CUEPACS.



LAWATAN MESRA YB MENTERI KPKT



26hb Jun, Pontian - Lanjutan insiden seorang anggota bomba maut dan seorang cedera parah akibat dirempuh oleh lori 3 tan bermuatan batu pada 21hb Jun 2014 yang lepas, YB Menteri KPKT, Datuk Abdul Rahman Dahlan mengambil inisiatif turun ke padang melawat anggota dan keluarga yang terlibat. Rombongan YB Datuk turut disertai oleh YS Penolong Ketua Pengarah Operasi JBPM, Dato' Soiman bin Jahid, Pengarah JBPM Negeri Johor, Dato' Ab. Ghani bin Daud serta Pegawai Kanan KPKT dan JBPM.



Beliau disambut baik seluruh ahli keluarga PB Suboh dan masyarakat setempat. YB Menteri KPKT juga diberi penerangan berkenaan kejadian tersebut serta melihat kecederaan yang dialami oleh PB Suboh akibat daripada kemalangan tersebut. YB Datuk seterusnya berkunjung ke rumah Allahyarham PB Mohd. Taufik Ali untuk bertemu keluarganya dan menyampaikan rasa simpati beliau di atas pemergian PB Mohd Taufik Ali. Di dalam pertemuan yang singkat itu, YB Menteri dan rombongan turut menyampaikan sumbangan peribadi masing - masing kepada PB Suboh dan keluarga PB Taufik.



MAJLIS RAMAH MESRA YAS KETUA PENGARAH

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
BERSAMA-SAMA PASUKAN BOMBA SUKARELA, PULAU PERHENTIAN



7 April 2014 - Bersempena dengan Latihan Pengukuhan PPDA Zon Timur Tahun 2014 yang diadakan di Pulau Perhentian, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim telah mengambil peluang untuk mengadakan Majlis Ramah Mesra bersama-sama Pasukan Bomba Sukarela, Pulau Perhentian. Majlis yang telah diadakan di Arwana Eco Perhentian Resort turut dihadiri oleh YBM Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, ADUN Kuala Besut merangkap Penaung PBS Pulau Perhentian.

Seramai 18 orang ahli PBS Pulau Perhentian telah hadir dalam majlis tersebut dan turut hadir sama memeriahkan majlis adalah Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu (YS PPjB Md. Salleh bin Sarbini), Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang (YS PKPjB Dato' Abdul Wahab bin Mat Yassin), dan Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan (YS PPjB Azmi bin Osman) dan seramai 56 orang urusetia, jurulatih dan peserta latihan PPDA.



LATIHAN PENGUKUHAN PASUKAN PENYELAMAT DI AIR (PPDA) ZON TIMUR TAHUN 2014 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



6 hingga 8 April 2014 - Buat julung-julung kalinya tiga (3) buah negeri di Pantai Timur telah bergabung tenaga bagi melaksanakan Latihan Pengukuhan PPDA Zon Timur bagi Tahun 2014. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Terengganu telah menjadi tuan rumah dan memilih Pulau Perhentian sebagai lokasi latihan. Seramai 30 orang penyelam dari JPBM Terengganu, Kelantan dan Pahang serta 20 orang urus setia termasuk tenaga pengajar dan petugas telah terlibat dalam latihan ini.

Bagi memberi sokongan dan semangat kepada pegawai-pegawai yang terlibat, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM telah turut menyertai latihan yang diadakan. Turut hadir sama adalah Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu YS PPjB Md. Salleh bin Sarbini, Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang YS PKPjB Dato' Abdul Wahab bin Mat Yassin, dan Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan YS PPjB Azmi bin Osman.

YAS Dato' Wan bin Haji Ibrahim juga telah menyampaikan amanat dan nasihat kepada semua pegawai yang terlibat supaya lebih berusaha bagi meningkatkan lagi kecekapan dan kemahiran dalam menangani kes-kes kecemasan di air supaya hasrat jabatan menjadi sebuah Organisasi Berprestasi Tinggi akan tercapai.



SUKAN BOMBA MALAYSIA (SUKBOM) TAHUN 2014 JDT



Sukan Bomba Malaysia (SUKBOM) 2014 telah diadakan pada 6 hingga 11 Jun 2014 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Plaza Angsana, Daiman Bowl, Daiman Sport Center dan Palm Resort, Senai. SUKBOM 2014 telah disertai seramai 1,030 peserta dari seluruh negara. Sebanyak 10 acara telah dipertandingkan di SUKBOM 2014 dengan menawarkan 112 pingat emas, 112 pingat perak dan 125 pingat gangsa.

Antara yang dipertandingkan dalam SUKBOM 2014 seperti berikut:

- | | |
|---------------|---------------|
| i. Olahraga | vi. Renang |
| ii. Badminton | vii. Dart |
| iii. Tenis | viii. Karom |
| iv. Ping Pong | ix. Golf |
| v. Bowling | x. Tarik Tali |

BIL	KONTINJEN	EMAS	PERAK	GANGSA	KEDUDUKAN PINGAT
1.	Selangor	27	17	15	59
2.	Sabah	14	19	16	49
3.	Sarawak	13	7	10	30
4.	Ibu Pejabat	12	15	13	40
5.	Johor	6	13	12	31
6.	Pahang	6	5	11	22
7.	Negeri Sembilan	6	5	6	17
8.	Pulau Pinang	6	5	5	16
9.	Kuala Lumpur	6	4	11	21
10.	Perak	5	8	7	20
11.	Terngganu	4	6	4	14
12.	Labuan	4	4	4	12
13.	Melaka	2	2	8	12
14.	Kedah	1	2	3	6
15.	Kelantan	-	-	-	-
16.	Perlis	-	-	-	-
Jumlah		112	112	125	349



"CEPAT DAN MESRA"



Ibu Pejabat

*Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya.
Tel : 603-8888 0036 / Faks : 603-8888 0840
email : korporat.bomba@1govuc.gov.my
website : www.bomba.gov.my*



Diterbitkan oleh Bahagian Pengurusan Korporat